



KONYA DI SINI AKU BERTAMU

Oleh Suryani Che' Leh

KONYA
Gönüllerin Şehri



A KU meneruskan percutian ke Konya, yang terletak di selatan Turki atau lebih dikenali sebagai Anatolia. Apabila menempuh perjalanan yang beratus kilometer ada kalanya membosankan. Cuaca musim luruh yang sejuk membuatkan perut terasa cepat lapar. Aku singgah di sebuah restoran untuk makan tengah hari. Selain hidangannya yang sedap dan menyelerakan, dekorasi serta hiasan restoran ini sangat menarik perhatian. Puding berasnya yang sedap, antara menu tempatan yang patut dirasai kala bertamu di negara ini. Itulah yang sering diperkatakan oleh teman dan banyak pula diceritakan di laman maya. Namun begitu, secara peribadi, aku kurang menggemarinya.

Abaikan seketika tentang makan. Kita kembali tentang kisah dan cerita mengenai tempat ini. Dalam bahasa Turki, Konya disebut “Koniah”, “Konieh” atau “Konia”. Apa-apa pun sebutannya, kota ini sangat menarik untuk dikunjungi. Namun begitu, aku hanya berkesempatan melawat

kompleks makam Maulana Jalaluddin Muhammad Rumi. Nama asalnya, Maulana Jalaluddin Rumi Muhammad bin Hasin al Khattabi al-Bakri atau Ar-Rumi, seorang ulama sufi yang juga pemikir dan penyair terkenal pada suatu ketika dahulu. Itupun dalam tempoh yang sangat singkat tetapi ada “sesuatu” yang dapat aku kutip.

Singgah sebentar di sini, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan rasa sakit urat belikat yang tegang dek perjalanan jauh. Walau bagaimanapun, cuaca pada petang itu kurang mengizinkan. Awan hitam kelihatan berarak di kaki langit. Sedikit banyak merencatkan suasana. Itulah risiko yang perlu dihadapi seandainya memilih percutian pada musim begini. Namun begitu, hal itu tidak menghalang aku dan teman untuk melihat sendiri sesuatu yang ada di sebaliknya kubah di dalam bangunan yang seakan-akan Masjid Haya Sofia di Istanbul.

Aku menapak ke pekarangan kompleks makam. Sebahagiannya sedang dibaik pulih. Namun begitu,



Kompleks makam ar-Rumi yang sekali pandang seakan-akan masjid Haya Sofia di Istanbul.

pengunjung masih boleh melawat tempat berkenaan. Dengan melewatinya bagaikan berkunjung ke sebuah istana yang dikelilingi oleh taman yang sangat cantik. Sesekali haruman mawar menyapa dan memberikan aura segar. Tidak dapat kugambarkan betapa indahnya taman ini pada musim bunga.

Di kompleks ini juga terdapat ruang pameran di samping penerangan mengenai sejarah tempat berkenaan. Diceritakan bahawa Ar-Rumi berasal dari Parsi atau lebih tepat dilahirkan di Balkh (sekarang Afghanistan). Nama beliau juga dikaitkan dengan tarian sufi kerana banyak pengikutnya mengamalkan zikir sambil menari secara berpusing-pusing. Tarian ini cukup popular di Turki. Beliau dan pengikutnya memakai serban yang besar. Serban itulah yang digunakan sebagai kain kapan setelah mereka meninggal dunia. Aku berkesempatan melawat makam berkenaan. Sayangnya pengunjung tidak dibenarkan untuk merakamkan gambar.

Selain makam Ar-Rumi, ada juga makam keluarga, anak-anak murid dan para pengikutnya di pekarangan kompleks. Yang turut dipamerkan



Tempat berwuduk yang masih boleh digunakan sehingga kini.

termasuklah barang peribadi, al-Quran dan manuskrip lama, koleksi buku tulisannya, serta pelbagai artifak lain. Antara yang menarik perhatian ialah ruang peribadi, ruang santai, dapur dan beberapa ruang lain yang terletak di bangunan bersebelahan. Untuk kemudahan pelancong, terdapat coretan yang ditulis dalam bahasa Inggeris.

Menurut cerita, pada tahun 1228, pemerintah Konya pada waktu itu, Sultan Kayqubad I, menjemput ulama berkenaan, pengasas tarikat Mevlevi bersama-sama bapanya yang juga seorang ulama bernama Bahaudin Valad. Beliau menerima pelawaan itu dan menetap di sini selama 50 tahun, sehingga meninggal dunia. Beliau juga sempat merasai hidup sewaktu Dinasti Seljuk (ada yang menyebutnya Selcuk), iaitu ketika Turki diserang oleh tentera Mongolia.

Namun begitu, beliau sentiasa dilindungi oleh pemerintah. Dek kerana kebijaksanaannya dalam bidang agama dan politik, Ar-



Sebahagian makam yang ada di sini.



Penulis menikmati hidangan makanan tengah hari yang enak.

Rumi dan ayahandanya sangat dihormati oleh pemerintah Seljuk. Oleh sebab hal itu juga beliau dihadiahi sebuah tempat beribadah di halaman istana yang dihiasi dengan taman dan bunga mawar yang sangat indah. Di situ jugalah ulama ini aktif melakukan kegiatan agama.

Dalam kehidupan hariannya, beliau amat mementingkan nilai kekeluargaan dan persahabatan.


Pada tahun 1273, ulama tersohor itu menghembuskan nafasnya yang terakhir. Jenazahnya disemadikan di bawah kubah hijau. Yang lebih istimewa, dinding yang menghiasi kompleks ini dibina daripada seramik yang dibuat khusus oleh pemerintah Dinasti Seljuk. Oleh itu, tidak hairanlah jika kompleks ini menjadi perhatian pelancong dari serata dunia.

Sewaktu pemerintahan kerajaan Uthmaniyah, kawasan ini diperbesar, selain pelbagai kemudahan disediakan untuk para pengikut tarekat itu agar dapat mempertahankan tarian sufi yang diasaskan oleh ulama tersohor berkenaan. Pada hari ini, di premis bersebelahan, terdapat kedai cenderahati yang menjual pelbagai hasil kraf penduduk tempatan untuk

dibawa pulang sebagai buah tangan. Selain makam ini, terdapat banyak lagi peninggalan Dinasti Seljuk di Konya, seperti madrasah, makam wali, masjid dan sebagainya.

Dari segi geografi, Konya terletak di tengah-tengah Turki merupakan bandar terbesar di negara ini. Kota ini antara kota tua yang "hidup" dan masih menjadi tumpuan serta dibina pada tahun 3000 sebelum Masihi. Oleh sebab kedudukannya yang strategik, Konya pernah berada di bawah pemerintahan pelbagai kerajaan, termasuklah Iskandar Zulkarnain, Parsi, Rom, Seljuk, Karamanid dan Uthmaniyah.

Konya juga pernah menjadi ibu negeri kerajaan Seljuk. Ada kisah yang menyatakan, sewaktu pemerintahan kerajaan itu, kota bersejarah ini dihuni oleh ramai pelarian dari empayar Khwarezmid, yang melarikan diri dari Mongol. Setelah berabad berlalu, Konya berkembang dengan pesat. Kini, Konya menjadi tumpuan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Seljuk.

Namun begitu, oleh sebab ramai penduduknya yang bertudung litup, bandar ini dianggap sebagai kota yang agak konservatif. Apa-apa pun pandangan orang tentang tempat ini, semuanya bergantung kepada mereka. Bagi aku, setiap lokasi yang dijejaki punyai kisah dan cerita yang menarik untuk dikongsi bersama. Sebagai generasi muda, aku amat menghargai jalinan sejarah ini. Paling tidak untuk melihat rupa dan wajah sesebuah negara sebelum apa-apa yang kita lihat pada hari ini. 



Antara binaan lama yang terdapat di kompleks ini.